

Skwad UPM, USM sama gagah

PASUKAN sepak takraw Staf Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mempertahankan kejuaraan dalam acara sepak takraw pada Kejohanan Sukan Staf Antara IPTA ke-34 yang telah berlangsung di Stadium Tertutup Negeri Kuala Terengganu, Terengganu baru-baru ini.

Walaupun tuan rumah, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah mengiktiraf skuad UPM dan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai johan bersama disebabkan masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan pada saat-saat akhir, ia tetap merupakan satu kejayaan yang amat membangga dan menggemirakan seluruh kontinjen UPM.

Pada kejohanan itu, UPM bermula garang dengan muncul juara Kumpulan A, sekali gus layak ke peringkat suku akhir selepas menundukkan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) 3-0.

Pada peringkat suku akhir, UPM

berjaya menewaskan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) 2-1 sebelum menjinakkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2-0 dalam separuh akhir.

"UKM bukanlah pasukan yang boleh dipandang rendah. Pemain-pemain mereka amat berpengalaman dari pelbagai aspek dan tidak mudah menyerah kalah," jelas pengurus pasukan UPM, Kapten (B) Bahari Salim.

Seperti kejohanan tahun lepas, USM sekali lagi menjadi lawan UPM di pentas akhir. Namun, disebabkan masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan, pihak Jawatankuasa Pengelola Kejohanan telah mengisytiharkan pasukan UPM dan USM sebagai johan bersama untuk edisi kali ini.

"Ribuan terima kasih buat Pengerus UPM, Pengurusan Pusat Sukan UPM dan semua penyokong yang hadir kerana telah memberikan sokongan padu kepada pasukan ini," ujar jurulatih UPM, Norsyahriman Md. Arif.



PEMAIN kedua-dua pasukan bergambar kenangan sebelum memulakan aksi perlawanan akhir.

 **sukan**
setempat